PP lwn. MUHAMMAD SHAKIR AZIZAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42H-06-04-2015 & 42H-07-04-2015]
23 NOVEMBER 2015

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 376 – Rogol – Mangsa berumur 15 tahun 9 bulan – Rayuan terhadap hukuman – Sama ada mangsa menyumbang kepada kejadian – Sama ada seks dilakukan secara sukarela – Faktor mitigasi peringanan hukuman – Kesalahan pertama – Sama ada budi bicara Hakim Mahkamah Sesyen dijalankan secara kehakiman – Sama ada hukuman dua tahun penjara memadai – Kanun Tatacara Jenayah, s. 183A*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap hukuman – Kesalahan merogol – Faktor mitigasi – Sama ada seks dilakukan secara sukarela – Kanun Tatacara Jenayah, s. 183A – Hukuman dua tahun penjara – Sama ada hukuman yang dijatuhkan memadai*

Responden pertama dan kedua dituduh di Mahkamah Sesyen kerana merogol seorang remaja perempuan berumur 15 tahun sembilan bulan, satu kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan ('Kanun'). Di akhir perbicaraan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') memutuskan mereka bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. HMS menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap kedua-dua responden. Perayu (pihak pendakwaan) tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan dan memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Menurut perayu, HMS khilaf dalam menimbangkan hukuman terhadap kedua-dua responden atas alasan (i) HMS gagal mempertimbangkan kepentingan awam; (ii) rogol merupakan kesalahan yang berat dan memerlukan hukuman berbentuk deteren; dan (iii) HMS gagal mengambil notis penghakiman berkaitan kekerapan kes rogol seumpama ini berlaku di negeri Kedah.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) HMS dalam penghakimannya bersetuju kesalahan merogol mangsa bawah 16 tahun merupakan kesalahan yang serius. Walaupun begitu, HMS turut mempertimbangkan kelakuan mangsa yang turut menyumbang kepada kejadian kedua-dua responden merogolnya. Tiada paksaan dilakukan atas mangsa. Laporan perubatan yang diberikan oleh seorang Dr Pang Ay Minn mengesahkan mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan luaran dan ini menunjukkan perlakuan seks dilakukan dengan sukarela dan tanpa paksaan. (perenggan 16 & 20)

(2) Mangsa telah memberikan keterangan impak dan tidak menunjukkan tanda-tanda mengalami trauma akibat perlakuan responden pertama dan kedua. HMS telah menimbangkan keterangan impak mangsa di bawah s. 183A Kanun Tatacara Jenayah sebelum menjatuhkan hukuman

penjara dua tahun atas kedua-dua responden. Ini juga kesalahan pertama mereka. Mereka telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi lagi kesalahan sebegini pada masa hadapan. Faktor ini juga merupakan mitigasi peringanan hukuman yang boleh diambil kira dalam menentukan tempoh hukuman penjara yang akan diberikan. (perenggan 32, 33 & 34)

(3) Pihak pendakwaan tidak seharusnya menetapkan kayu pengukur bagi mahkamah menjatuhkan hukuman penjara untuk tempoh yang lama bergantung pada kes rogol di bawah 16 tahun. Pendekatan sebegini terlalu ketat dan 'membunuh' budi bicara yang telah bercambah dengan suburnya. (perenggan 36)

(4) Mahkamah bersetuju bahawa HMS tidak mempertimbangkan kekerapan kesalahan merogol di bawah s. 376(1) Kanun, tetapi ini bukan alasan untuk menjejaskan keseluruhan budi bicara HMS apabila menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap responden-responden. Budi bicara HMS telah dijalankan secara kehakiman dan direstui oleh Parlimen bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun apabila hukuman minima tidak ditetapkan. (perenggan 37 & 38)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina [1954] 1 LNS 3 HC ***(dirujuk)***
Abu Bakar Aliff v. R [1952] 1 LNS 4 HC ***(dirujuk)***
Ch'ng Lian Eng v. PP [1983] 1 CLJ 88; [1983] CLJ (Rep) 504 HC ***(dirujuk)***
Hoo Chee Keong v. PP [2000] 1 CLJ 667 HC ***(dirujuk)***
Lim Yoon Fah v. PP [1970] 1 LNS 66 HC ***(dirujuk)***
Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***
Nor Afizal Azizan v. PP [2012] 6 CLJ 370 CA ***(dirujuk)***
Ong Lai Kim & Ors v. PP [1991] 2 CLJ 1568; [1991] 3 CLJ (Rep) 376 HC ***(dibezakan)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhamad Arif Sabri & Ors [2014] 1 LNS 604 CA ***(dirujuk)***
PP v. Shahrul Azuwan Adanan & Anor [2013] 2 CLJ 686 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Shariffah Syed Hashim [2006] 6 CLJ 503 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***
PP v. William Ayau [2005] 6 CLJ 289 HC ***(dibezakan)***
Rex v. Ball [1911] 35 Cr App R 164

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 183A(1), 294
Penal Code, ss. 376(1), (2), 474

Bagi pihak OKT - R Thevan; T/n S Raman & Co
Bagi pihak perayu - Zabidah Ahmad; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen; Kes Tangkap No: 62-04-2011 (T) 129 & 62-06-2011 (T) 130 (mengesahkan)]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Muhammad Shakir bin Azizan (responden pertama) telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (Kes Tangkap No: 62-04-2011 (T) 129) atas pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2.1.2011 jam lebih kurang 1.00 pagi bertempat di dalam sebuah bilik tidur rumah no. C3 Taman Hj Muslim, Kuala Ketil, di dalam Daerah Baling, Negeri Kedah telah merogol seorang perempuan bernama NIA [nama dirahsiakan] [KPT No: xxxxxxx] [dirahsiakan] yang berumur 15 tahun 9 bulan dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan.

[2] Nick Fadzrol Mohammad bin Abdullah (responden kedua) telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (Kes Tangkap No: 62-06-2011 (T) 130) atas pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2.1.2011 jam lebih kurang 1.30 pagi bertempat di dalam sebuah bilik tidur rumah no. C3 Taman Hj Muslim, Kuala Ketil, di dalam Daerah Baling, Negeri Kedah telah merogol seorang perempuan bernama NIA [nama dirahsiakan] [KPT No: xxxxxxx] [dirahsiakan] yang berumur 15 tahun 9 bulan dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan.

[3] Responden pertama dan responden kedua tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Mereka diwakili peguamnya iaitu Tetuan S Raman & Co. Pendakwaan telah memohon kedua-dua kes ini dibicarakan secara bersama dan pembelaan tidak membantah.

[4] Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Puan Hakim Mahkamah Sesyen, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (Puan HMS itu) dan diakhir perbicaraan pada 29 September 2013, Puan HMS itu telah memerintahkan kedua-dua responden dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan merogol tanpa dipanggil untuk membela dirinya.

[5] Pendakwaan yang terkilan dengan keputusan Puan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya atas perintah pelepasan dan pembebasan kedua-dua responden. Mahkamah Tinggi Malaya kemudiannya membenarkan rayuan oleh pendakwaan dan memerintahkan kedua-dua responden dipanggil untuk membela diri.

[6] Puan HMS itu telah mendengar pembelaan kedua-dua responden dan pada 31 Mac 2015 telah memutuskan mereka bersalah dan disabitkan atas pertuduhan s. 376(1) Kanun Keseksaan (Kanun itu). Puan HMS itu telah menjatuhkan hukuman setiap responden penjara dua tahun mulai tarikh sabitan iaitu 31 Mac 2015.

[7] Perayu yang tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

[8] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan perayu atas hukuman, eloklah dijenguk kembali nas-nas duluan yang memberikan panduan kepada mahkamah ini di peringkat "appellate stage" dalam mencampuri budi bicara mahkamah bicara dalam hukuman yang dijatuhkan.

[9] Mahkamah ini merujuk kes tersohor iaitu *Abu Bakar Alif v. R* [1952] 1 LNS 4; [1959] 1 MLJ 19 yang merujuk kes klasik *Rex v. Ball* dalam penghakimannya yang memetik sebagaimana berikut:

> "In the case of *Rex v. Ball* 35 Cr App R 164 the Court of Criminal Appeal restated the principles which should guide an Appellate Court in considering the sentence passed by the Court below". In the first place, the judgment reads, "this Court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the Court might have passed a different sentence. The trial Judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. *It is only when a sentence appears to err in principle that this Court will alter it. If a sentence is excessive or inadequate to such an extent as to satisfy this Court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this Court will intervene*. In my opinion these remarks apply with equal force to appeals to the High Court from the Subordinate Courts".
>
> (penekanan ditambah)

[10] Mahkamah ini juga merujuk kes *Nor Afizal Azizan v. PP* [2012] 6 CLJ 370 di mana YAA Tan Sri Raus Shariff HMR menyentuh prinsip semasa menimbangkan rayuan berkaitan hukuman daripada mahkamah bicara sebagaimana berikut:

> [15] The issue before us was whether the learned JC was right in interfering with the sentence passed by the learned SCJ. It is trite that an appellate court, in this case the High Court, "should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principle in the assessment of the sentence". (See *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 25)

[11] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini akan menyentuh rayuan oleh perayu berkaitan hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu.

[12] Mahkamah ini telah meneliti petisyen rayuan dan penghujahan bertulis/lisan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar dan nampaknya beliau menonjolkan kekhilafan Puan HMS itu dalam menimbangkan hukuman terhadap kedua-dua responden atas alasan berikut:

(a) Puan HMS itu dalam penghakimannya gagal menimbangkan kepentingan awam; A

(b) Rogol merupakan kesalahan yang berat dan memerlukan hukuman yang berbentuk deteran; dan

(c) Puan HMS itu gagal mengambil notis penghakiman berkaitan kekerapan kes rogol seumpama ini berlaku di negeri Kedah Darul Aman. B

Bagi Isu (a) Dan (b)

[13] Mahkamah ini akan menyentuh isu (a) dan (b) bersekali kerana ianya saling kait-mengait antara satu sama yang lainnya. TPR yang terpelajar telah menghujahkan hukuman penjara dua tahun mulai sabitan ianya tidak memberikan pengajaran kepada orang awam. TPR yang terpelajar menghujahkan Puan HMS itu dalam menjatuhkan hukuman itu gagal menimbangkan kepentingan awam. TPR yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Ong Lai Kim & Ors v. PP* [1991] 2 CLJ 1568; [1991] 3 CLJ (Rep) 376; [1991] 3 MLJ 111 yang menegaskan kesalahan rogol merupakan kesalahan yang kerap berlaku dan perlu hukuman yang berbentuk pengajaran. TPR yang terpelajar juga merujuk kes *PP v. William Ayau* [2005] 6 CLJ 289; [2005] 4 MLJ 336 di mana Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah membenarkan rayuan oleh pendakwaan atas hukuman penjara lima tahun dan digantikan dengan hukuman penjara 15 tahun. C D E

[14] Mahkamah ini telah meneliti hukuman yang ditetapkan di bawah s. 376(1) Kanun itu telah pun dipinda melalui Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 (Akta A 1273). Parlimen tidak menetapkan hukuman minima sebagaimana kesalahan di bawah s. 376(2) Kanun itu dan sebaliknya menetapkan hukuman maksima penjara 20 tahun. F

[15] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan Brown Ag CJ dalam kes *Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina* [1954] 1 LNS 3 yang mana menyatakan trend untuk menetapkan satu hukuman standard mengikut jenis kesalahan perlu dielakkan oleh mahkamah. Hukuman perlulah berdasarkan fakta yang ada di hadapan mahkamah. Mahkamah ini ingin meminjam dan memetik kata-kata hikmatnya yang menyatakan: G

> In the matter of punishment, the "type of offence" is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the Court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type. H I

[16] Mahkamah ini telah pun meneliti penghakiman Puan HMS itu di mana telahpun menimbangkan kepentingan awam dengan merujuk kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ256 dan *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116; [1976] 2 MLJ 186. Puan HMS itu dalam penghakimannya bersetuju kesalahan merogol bawah 16 tahun merupakan kesalahan yang serius. Walaupun begitu, Puan HMS turut menimbangkan kelakuan mangsa yang turut menyumbang kepada kejadian kedua-dua responden merogolnya.

[17] Puan HMS itu dalam penghakimannya menyatakan:

> 2. Mahkamah tidak menafikan bahawa kes rogol di mana mangsa di bawah umur adalah suatu kesalahan yang serius di mana isu kepentingan awam diutamakan. Namun berdasarkan fakta kes ini adalah jelas bahawa mangsa sendiri secara sukarela melakukan hubungan seks tersebut. Kesalahan ini berpunca daripada mangsa sendiri yang pada masa kesalahan dilakukan mangsa disahkan telah mengandung.

[18] Mahkamah ini berpendapat Puan HMS itu telah menggunakan budi bicaranya semasa menimbangkan hukuman penjara dua tahun ke atas semua responden. Mahkamah ini bersetuju dengan penghakiman Puan HMS itu s. 376(1) Kanun itu tidak memperuntukkan hukuman minima penjara sebagaimana kesalahan di bawah s. 376(2) Kanun itu.

[19] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Ong Lai Kim* (*supra*) tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan merogol mangsa seorang perempuan berumur 27 tahun dan mangsa secara paksa telah dibawa masuk ke dalam kereta yang dipandu oleh tertuduh ke sebuah bekas kolam lombong dan dirogol secara bergilir oleh tiga lelaki. Mahkamah ini berpendapat fakta kes *Ong Lai Kim* (*supra*) berbeza dengan kes di hadapan mahkamah sekarang. Sebaliknya kes di hadapan mahkamah semua responden merogol mangsa yang berumur bawah 16 tahun dan tiada apa-apa unsur kekerasan atau paksaan dilakukan.

[20] Mahkamah ini telah menimbangkan kes *William Ayau* (*supra*) fakta kesnya berbeza dengan kes di hadapan mahkamah sekarang. Dalam kes *William Ayau* (*supra*) semasa rogol dilakukan terdapatnya unsur paksaan dan tertuduh mempunyai tiga rekod kesalahan lampau dan ini mewajarkan hukuman penjara 15 tahun dan lima sebatan rotan. Mahkamah ini berpendapat dalam kes sekarang, tiada paksaan dilakukan ke atas mangsa. Mahkamah ini telah meneliti laporan perubatan bertarikh 13 April 2011 di mana Dr Pang Ay Minn mengesahkan mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan luaran dan ini menunjukkan perlakuan seks dilakukan dengan sukarela dan tanpa paksaan.

[21] Mahkamah ini mengambil pendekatan yang sama sebagaimana dalam kes *Ch'ng Lian Eng v. PP* [1983] 1 CLJ 88; [1983] CLJ (Rep) 504; [1983] 1 MLJ 424 di mana tertuduh berumur 23 tahun telah berkahwin dan

mempunyai dua orang anak telah merogol mangsa yang berumur 13 tahun di rumah rehat. Tertuduh telah dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan tertuduh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang atas sabitan dan hukuman. Mahkamah Tinggi telah mengesahkan sabitan dan membenarkan rayuan atas hukuman iaitu hukuman penjara tiga tahun diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara lapan bulan. Mahkamah Tinggi semasa membenarkan rayuan atas hukuman telah menimbangkan penglibatan mangsa sendiri yang mengundang musibah walaupun mengetahui tertuduh telah berkahwin masih sanggup "to share his company in the privacy of a room in a rest house". YA Edgar Joseph Jr dalam penghakimannya menukilkan sebagaimana berikut:

> Whilst it is true that this was perhaps a case which involved the exploitation of an immature girl by an older man I cannot overlook the fact that the girl was inviting trouble in going out with the Appellant in his car at night knowing he was a married man and then being prepared to share his company in the privacy of a room in a Rest House. These mitigating facts were clearly overlooked by the learned President.

[22] Mahkamah ini berpendapat Parlimen apabila meminda peruntukan s. 376(1) Kanun itu tidak menetapkan hukuman penjara minima bertujuan untuk membezakan kesalahan rogol bawah 16 tahun secara paksaan dengan rogol bawah 16 tahun secara rela. Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YAA Tan Sri Raus Shariff dalam menangani kesalahan rogol yang melibatkan mangsa dan tertuduh remaja dalam kes *Nor Afizal Azizan* (*supra*) seperti berikut:

> [18] In this aspect we are inclined to agree with what was expressed by Hamid Sultan Abu Backer JC (as he then was) in *PP v. Mohamad Arfah Jasmi* [2008] 7 CLJ 836 that the safeguard into ensuring similar offences of consensual sex among teenagers will not happen, starts at home and in school. At home where parents should impose discipline and religious knowledge to ensure that teenagers would not put themselves in situations which will bring about this kind of offence and in school where sex education can be taught so that both girls and boys are aware of the dire consequences of engaging in premarital sex.

[23] Mahkamah ini juga berpendapat Puan HMS itu telah pun membayangkan hukuman bon di bawah s. 294 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) atau Perintah Kehadiran Wajib (PKW) namun beliau memilih hukuman penjara sebagai pengajaran kepada semua responden. Mahkamah ini berpendapat Puan HMS itu telah menjalankan budi bicaranya apabila menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan pada kaca mata pendakwaan ianya tidak memadai dan bercanggah dengan kepentingan awam.

[24] Mahkamah ini berpendapat Parlimen telah pun menetapkan hukuman penjara maksima 20 tahun dan menyerahkan kepada mahkamah menggunakan budi bicara untuk menentukan tempoh penjara bergantung

kepada fakta kes yang berkaitan. Mahkamah ini merujuk kes *Lim Yoon Fah v. PP* [1970] 1 LNS 66 di mana YA Chang Min Tat H mengungkapkan pengamatannya:

> And in particular the sentence therein which I have emphasised, and applied it to the appellant. A particular criminal may be so induced only by a deterrent sentence of a long term of imprisonment. Another may well profit by being given a second chance. As the Court of Appeal had said in *Ho Kim Luan and Anor. v. PP* [1959] MLJ 159, at p. 162:
>
> > Each case, of necessity, must depend upon its own facts and upon the character and antecedents of the offender.

[25] Mahkamah ini bersetuju dengan Puan HMS itu memandangkan usia semua responden yang masih muda, tempoh penjara dua tahun ianya memadai sebagai pengajaran dan dengan harapan selepas tamat menjalani hukuman dapat kembali ke pangkuan masyarakat dan membina suatu kehidupan yang baru.

[26] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan pendirian TPR yang terpelajar yang memohon tempoh pemenjaraan yang lama dikenakan ke atas semua responden. Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Balia Yusof bin Hj Wahi H (pada ketika itu) dalam kes *PP lwn. Shariffah Syed Hashim* [2006] 6 CLJ 503 di ms. 510 yang menyatakan:

> Dalam pada itu hukuman tersebut hendaklah juga merupakan suatu hukuman yang dapat memberikan peluang pemulihan dan rehabilitasi kepada tertuduh. Proses rehabilitasi di dalam penjara memerlukan masa dan sekiranya sesuatu hukuman itu terlalu pendek, proses tersebut mungkin tidak dapat dilakukan dan memberikan apa-apa kesan. Dalam masa yang sama juga hukuman penjara yang terlalu lama juga akan menimbulkan kesan negatif dan mungkin akan menjadikan seseorang pesalah itu sebagai 'hard core criminal' kelak. Mengulangi kata-kata Hilbery J di dalam kes *R v. Kenneth John Ball* (*supra*), "the public interest is indeed served and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living".

[27] Mahkamah ini turut merujuk kes *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 di halaman 214 yang memutuskan:

> In assessing the length of custodial sentence, the Court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors and fourthly, **the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any**. The fact that a sentence of imprisonment is imposed as deterrence does not justify the court in passing a sentence of greater length than what the facts of the offence warrant ...
>
> (penekanan ditambah)

[28] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan Puan HMS itu dalam penghakimannya yang menyatakan hukuman pemenjaraan yang lama ianya tidak memberi faedah kepada semua responden. Mahkamah ini merujuk penghakiman Puan HMS itu yang menyatakan:

> 3. OKT berumur 24 tahun. Masih muda dan masih mempunyai masa depan dan peluang untuk mengubah kehidupan. Sekiranya hukuman pemenjaraan yang panjang akan mendedahkan OKT kepada pelbagai kesalahan jenayah yang lain.

[29] Mahkamah ini juga merujuk keputusan yang tidak dilaporkan iaitu dalam Mahkamah Tinggi, Melaka Rayuan Jenayah No: 42H-6-01-2012, *PP v. Safuan Salleh* (Unreported) ianya melibatkan kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun itu, mangsa berumur 14 tahun 8 bulan. Rayuan pihak pendakwaan terhadap hukuman penjara satu tahun dari tarikh tangkap dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi, Malaya, Melaka. Selanjutnya dalam kes yang tidak dilaporkan iaitu dalam Mahkamah Tinggi, Melaka Rayuan Jenayah No: 42H-3-02-2013, *PP v. Ahmad Salahin Fadzil* (Unreported) ianya melibatkan kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun itu, mangsa berumur 15 tahun 10 bulan. Rayuan pihak pendakwaan terhadap hukuman penjara 30 bulan dari tarikh tangkap dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya, Melaka. Mahkamah ini pada akhirnya merujuk kes yang tidak dilaporkan iaitu dalam Mahkamah Tinggi, Melaka Rayuan Jenayah No: 42H-15-03-2013, *PP v. Mohamad Syahaddin Azma* (unreported) melibatkan dua kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun itu, mangsa berumur 15 tahun. Rayuan pihak pendakwaan terhadap hukuman penjara dua tahun dan berjalan secara berturutan dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi, Malaya, Melaka. Mahkamah ini difahamkan dalam ketiga-tiga rayuan jenayah tersebut, pihak pendakwaan tidak membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Secara tersirat ianya menunjukkan pendakwaan berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen, Melaka dan ianya disahkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya, Melaka di peringkat rayuan melibatkan kesalahan yang sama iaitu di bawah s. 376(1) Kanun itu.

[30] Mahkamah ini berpendapat hukuman penjara dua tahun yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu mengikuti trend penghukuman sekarang apabila melibatkan mangsa di bawah 16 tahun hubungan seks itu dilakukan secara sukarela. Parlimen telah menggubal peruntukan sebegitu rupa tanpa menetapkan hukuman minima dan ianya menyerahkan kepada mahkamah untuk menentukan tempoh penjara yang bersesuaian mengikut fakta sesuatu kes. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar yang meminta tempoh pemenjaraan yang panjang sebagaimana dalam kes *Willian Ayau* (*supra*) atau *Ong Lai Kim* (*supra*).

[31] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Puan HMS itu di mana beliau telah menimbangkan keterangan impak mangsa yang diberikan selaras dengan peruntukan s. 183A(1) KTJ itu sebelum menjatuhkan hukuman. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 183A KTJ itu sebagaimana berikut:

> s. 183A(1) Before the Court passes sentence according to law under section 183, the Court shall, upon the request of the victim of the offence or the victim's family, call upon the victim or a member of the victim's family to make a statement on the impact of the offence on the victim or his family.
>
> (2) Where the victim or a member of the victim's family is for any reason unable to attend the proceedings after being called by the Court under subsection (1), the Court may at its discretion admit a written statement of the victim or a member of the victim's family.

[32] Puan HMS itu berpendapat mangsa telah memberikan keterangan impak dan tiada apa-apa tanda beliau mengalami trauma akibat perlakuan responden pertama dan responden kedua. Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Abdul Rahman Sebli H (pada ketika itu) dalam kes *PP v. Shahrul Azuwan Adanan & Anor* [2013] 2 CLJ 686 ada menyentuh tujuan s. 183A KTJ itu digubal oleh Parlimen sebagaimana berikut:

> [15] It is comforting to note that the Criminal Procedure Code ("the CPC") has recently been amended by adding a new s. 183A which came into force on 1 June 2012 and which allows for the victim's impact statement to be taken into consideration before the court passes sentence. This will give the court a sense of what the victim or his family went through as a result of the offender's transgressions into their private lives and to pass the appropriate sentence accordingly. Parliament in its wisdom had deemed it fit to insert this provision under Chapter XX of the CPC which deals with trials before the High Court but in my view the provision is meant for all courts as the word "court" is defined by s. 2(1) of the CPC to mean the High Court, a Sessions Court, or a Magistrates Court of any class. Indeed it is in the lower courts that impact statements are most needed, given the type of cases that go before these courts.

[33] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan Puan HMS itu apabila telah menimbangkan keterangan impak mangsa di bawah s. 183A KTJ sebelum menjatuhkan hukuman penjara dua tahun atas semua responden.

[34] Mahkamah ini juga bersetuju dengan penghakiman Puan HMS itu yang telah menimbangkan ini merupakan kesalahan pertama semua responden. Mereka telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi lagi kesalahan sebegini pada masa hadapan. Faktor ini juga merupakan mitigasi peringanan hukuman yang boleh diambil kira dalam menentukan tempoh hukuman penjara yang akan diberikan. Mahkamah ini merujuk kes *Hoo Chee Keong v. PP* [2000] 1 CLJ 667; [2000] 5 MLJ 448 di mana YA KN Segara H (pada ketika itu) menyuarakan pandangannya iaitu:

> The offence committed by the accused is admittedly a serious offence. Nevertheless, as the accused is a first offender some consideration must be given to the possibility of rehabilitating him by not incarcerating him for a very long period of time in prison.

[35] Tertuduh dalam kes *Hoo Chee Keong* (*supra*) melibatkan kesalahan di bawah s. 474 Kanun Keseksaan iaitu menggunakan kad kredit palsu. Mahkamah bicara telah menjatuhkan hukuman penjara enam dan tujuh tahun bagi pertuduhan pertama dan kedua. Tertuduh telah merayu ke Mahkamah Tinggi Malaya, Melaka dan setelah mengambil kira faktor kesalahan pertama hukuman telah dikurangkan kepada penjara tiga tahun bagi setiap pertuduhan dan ianya berjalan serentak.

[36] TPR yang terpelajar dalam rayuannya menyuarakan kebimbangannya atas hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu tidak setimpal atau tidak memadai. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan tidak seharusnya menetapkan "kayu pengukur" bagi mahkamah menjatuhkan hukuman penjara untuk tempoh yang lama bergantung kepada kes rogol bawah 16 tahun dan pendekatan sebegini ianya terlalu rigid dan "membunuh" budi bicara yang telah pun bercambah dengan suburnya. Mahkamah ini berpendapat budi bicara Puan HMS itu telah dijalankan secara kehakiman dan ianya direstui oleh Parlimen bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun itu apabila tidak menetapkan hukuman minima. Mahkamah ini bersetuju dengan saranan kes *PP v. Muhamad Arif Sabri & Ors* [2014] 1 LNS 604; [2014] 6 MLJ 282 yang menyatakan:

> [21] In our view, the public interest is not solely founded upon passing heavy sentences. The sentence must be measured against the particular facts and circumstances of the offence upon which the offenders were convicted along with mitigating factors. The High Court did consider these. We find no merit in the submissions as to enhancement of sentence. It failed to demonstrate that the sentence was manifestly inadequate.

Bagi Isu (c)

[37] TPR yang terpelajar dalam hujahannya telah menegaskan Puan HMS itu terkhilaf dalam penghakimannya apabila tidak mengambil kira kekerapan kesalahan ini berlaku di negeri Kedah. Puan HMS itu seharusnya mengambil "judicial notice" kekerapan kes ini di hadapan mahkamah dan hukuman yang berat perlu dijatuhkan atas semua responden. Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan, TPR yang terpelajar di hadapan Puan HMS itu semasa memohon hukuman yang setimpal langsung tidak membangkitkan isu kekerapan kes rogol atau memohon Puan HMS itu mengambil "judicial notice" sebagaimana yang cuba dihujahkan di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini bersetuju dalam penghakiman Puan HMS itu tidak menimbangkan kekerapan kesalahan rogol di bawah s. 376(1) Kanun itu dan ianya bukannya suatu alasan untuk menjejaskan keseluruhan budi bicara Puan HMS itu apabila menjatuhkan hukuman penjara dua tahun atas semua responden.

A **[38]** Kesimpulannya, mahkamah ini berpendapat Puan HMS itu telah menjalankan budi bicara secara kehakiman dengan betulnya apabila menjatuhkan hukuman penjara dua tahun mulai tarikh sabitan. Mahkamah menolak rayuan oleh perayu atas hukuman terhadap semua responden dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu.

B

C

D

E

F

G

H

I